

DIALOG PM  
17 FEB 1988  
DENGAN

PARA

WARTAWAN  
*Uphatir Moid*

SEDUTAN dialog Perdana Menteri dengan para wartawan dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam:

*Soalan:* Siapakah yang akan diterima menjadi ahli parti dan apa syaratnya?

*Jawapan:* Setia kepada parti. Itulah yang paling penting. Jika seseorang membuat sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan parti, saya rasa orang itu tidak layak menyertainya.

*Soalan:* Adakah Tengku Razaleigh akan diterima?

*Jawapan:* Bukan saya seorang sahaja yang boleh menentukannya.

*Soalan:* Siapakah di antara ahli Majlis Tertinggi yang tidak menduduki jawatankuasa penaja parti ini?

*Jawapan:* Kita akan beritahu kemudianlah... saudara semua boleh membuat tekaan (tersenyum sinis). Ini adalah kumpulan yang nak tubuhkan parti lain. Kalau ada orang yang hendak ke tempat lain, takkan kita nak panggil sama... orang - orang ini yang menghalang parti... yang merosakkan parti dan akhirnya mengharamkan parti, kita tidak boleh terima...

*Soalan:* Adakah Datuk Musa terlibat dalam jawatankuasa ini.

*Jawapan:* Yang terlibat ialah ahli Majlis Tertinggi, Datuk Musa bukannya ahli.

*Soalan:* Adakah Datuk Musa akan diterima menjadi ahli?

*Jawapan:* Kita akan teliti, malah semua pihak boleh memohon.

*Soalan:* Tengku Razaleigh ada menyebut bahawa kesetiaan orang - orang yang hadir di Parlimen kelmarin boleh diragui.

*Jawapan:* Ya... orang itu [juga] adalah orang yang di belakang kumpulan 11 yang telah menyebabkan UMNO diharamkan. Jadi, kadang - kadang dia datang untuk berikrar, tetapi dia pergi tubuh parti lain. Mereka belum tanya kita lagi. Dalam mana-mana pertubuhan pun kalau seseorang pemimpin itu sengaja membubarkan parti, bolehlah orang lain ganti. Ini tidak, secara tidak sengaja parti itu dibubarkan, patutlah pemimpin itu buat tindakan.